

# Sungai Juru tercemar jejas sumber rezeki

**B**UKIT MERTAJAM: Sungai Juru, antara sungai paling teruk tercemar di negara ini terus mengancam penduduk yang bergantung hidup kepada hasil sungai.

Pencemaran berada pada tahap kronik berikutan banyak hidupan laut terutama kerang sukar membesar dan semakin pupus, selain mengandungi kadar bakteria yang tinggi dan boleh menyebabkan pelbagai penyakit.

Timbunan kerang yang mati di pelantar di pusat pendaratan ikan di Kampung Kuala Juru membuktikan sungai itu tercemar dengan pelbagai sisa buangan yang dilupuskan oleh ratusan kilang berhampiran, termasuk kilang haram.

Kilang melepaskan sisa industri di sepanjang tujuh kilometer sungai, membabitkan kawasan Perindustrian Prai Zon Satu hingga Empat serta Perindustrian Ringan Bukit Minyak.

Tinjauan *Berita Harian* sekitar kawasan perindustrian Prai yang menempatkan pelbagai kilang seperti fiber, plastik, logam, besi, tekstil dan jentera kebanyakannya menggunakan bahan kimia, mendapati kilang berkenaan melepaskan sisa industri ke dalam longkang dan parit utama.

Sisa yang dikhuatiri mengandungi sisa toksik tidak dirawat, disalurkan ke rumah pam yang berfungsi melepaskan sisa buangan terus ke laut mengikut masa yang sesuai seperti ketika air pasang. Ia berbau busuk dan menyebabkan pening jika terhidu dengan airnya berwarna hitam pekat.

Ketua Unit Persatuan Nelayan Seberang Prai-Unit Kuala Juru, Abdul Razak Hashim, 45, berkata masalah yang berlarutan lebih 20 tahun lalu tidak diselesaikan dengan berkesan walaupun agensi berkaitan meninjau sungai berkenaan.

"Ikan sembilang yang 'liat' nya-wanya juga mati terkena air yang dilepaskan dari rumah pam. Anak kami yang mandi di sungai juga mengalami masalah gatal kulit serius dengan badan tumbuh berbiji macam jerawat," katanya.

Pengerusi Projek Ternakan Kerang Kuala Juru, Latib Mohamad, 42, ternakan kerang merosot lebih separuh berikutan sungai yang semakin tercemar.

Jurucakap Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) pula mahu Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah semakin serius.